



Nur Fatin bersama Ibrahim menunjukkan produk jenama Brahim's.

Generasi kedua Brahim's tekad terus legasi bapa

→ Nur Fatin miliki kekuatan bawa perniagaan keluarga lebih tinggi

oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Jangan buat keputusan ketika marah," kata Nur Fatin Ibrahim, mengimbau pesanan bapanya yang juga pengasas gergasi peneraju makanan dan katering industri halal di negara ini dan disegani di dunia.

Tidak dinafikan pesanan itu cukup senada dengan karakter Pengurus Eksekutif Kumpulan Dewina, Datuk Seri Ibrahim Ahmad Badawi yang dikenali sebagai personaliti mesra, ramah dan disenangi sesiapa pun termasuk media.

Nur Fatin, 38, anak sulung dari pada tiga beradik kini memikul amanah sebagai penyambung legasi Brahim's, perniagaan keluarga yang ditubuhkan bapanya pada 1986 menggunakan sepenuh keringat dan minat.

Sungguhpun nama Ibrahim disanjung masyarakat yang berbangga kejayaannya sebagai ikon usahawan Melayu, Nur Fatin bertegar untuk tidak berselindung dalam bayangan kejayaan pengasas Brahim's itu.

Beliau yang kini Pengarah

Urusan Kumpulan Dewina Holdings Sdn Bhd berjaya membuktikan kekuatannya untuk memimpin Brahim's mengikut acuan, strategi dan semangat agresif orang mudanya berbekalkan nasihat insan tersayangnya itu.

Katanya, memang diajui Brahim's memiliki teknologi yang maju, namun kehadiran beliau sebagai pengurus wanita sedikit sebanyak dapat memberikan sentuhan keibuan kepada produk yang popular bagi isi rumah di rantau ini.

Lakukan dengan tenang
"Cabaran terbesar saya apabila orang sudah biasa cara tenang bapa bekerja, menguruskan pekerja dan perniagaan, maka sebenarnya sukar untuk saya menandingsi beliau apatah lagi orang membandingkan cara saya dan dia.

"Oleh kerana kita generasi muda bukan senang untuk tenang sepanjang masa, maka kita kena belajar dan lakukan dengan tenang, bahkan saya juga sentiasa dapatkan pandangan bapa supaya digabungkan dengan pandangan saya serta dapatkan yang terbaik," kata beliau dengan gaya cukup bersahaja.

Memacu ke depan, Nur Fatin

Info

→ Nur Fatin, 38, anak sulung daripada tiga beradik
→ Brahim's, perniagaan keluarga yang ditubuhkan oleh bapanya, Datuk Seri Ibrahim Ahmad Badawi pada 1986

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/BH]



Nur Fatin dihadapan bangunan Brahim's.

berkata, bagi produk isi rumah tumpuan utama perlu diberikan kepada usaha menarik minat generasi muda antara 20 tahun hingga lebih 30 tahun untuk menjadi pelanggan setia Brahim's serta meluaskan sumbangan perniagaan katering berindustri miliknya.

Katanya, dalam skop lebih besar industri komersial yang memberi sumbangan terbesar syarikat pula, strategi agresif dirangka untuk meluaskan sumbangan perniagaan katering berindustri miliknya.

"Alhamdulillah, kini perkembangan segmen ini sudah besar khususnya katering penerangan yang mana kami menyediakan katering untuk 90 peratus kapal terbang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Kalau boleh kami mahu teroka pasaran katering industri lain termasuk institusi atau mod pengangkutan berbeza yang menawarkan potensi besar dalam perniagaan katering berindustri," katanya sambil berseloroh "kenduri kahwin itu belum lagi!"

Ketika dimintai berkongsi nasihat perniagaan bapanya kepada semua usahawan makanan, Nur Fatin berkata, bapanya seniasia menekankan supaya jangan

putus asa dan komited dengan tempoh dirancang untuk meraih keuntungan.

Katanya, ramai usahawan muda yang menjangkakan keuntungan boleh diraih dalam setahun dua usia perniagaan, namun ia sesuai yang jarang berlaku dalam dunia perniagaan sebenar.

Tidak putus asa

"Bapa selalu pesan, kalau memulakan perniagaan cuba janji dengan diri sendiri berapa tahun untuk laksanakan, bergantung kepada saiz dan tahap kesukaraninya mungkin dalam tiga atau lima tahun, kemudian terus komited jayakannya."

"Justeru, daya tahan penting bagi seseorang usahawan bukan hanya dalam diri sendiri supaya tidak putus asa, tetapi juga dari segi kewangan memastikan kelangsungan usaha memenuhi pelan perniagaan yang ditetapkan."

"Apa yang saya belajar daripada bapa adalah kita kena ada ilmu pengetahuan yang cukup untuk berniaga kerana minat semata-mata dan mewaris perniagaan keluarga saja tidak cukup dalam perniagaan," katanya mengakhiri temu bual dengan senyuman mesra.

NADI BIZ